

POLIS GIAT CARI MANGGO

22 ahli sindiket pinjaman tidak wujud tumpas

Oleh Hafidzul Hilm
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket pinjaman tidak wujud yang aktif memperdaya dan menipu mangsa membabitkan kerugian lebih RM150,000 sejak Januari lalu tumpas selepas polis menahan 22 individu dalam dua serbuan berasingan di Jalan Setapak dan Jalan Off Genting Klang di sini, Selasa lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, serbuan dijalankan hasil risikan menerusi Op Seagull oleh Bahagian Operasi dan Bantuan Teknik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman dan JSJK Kuala Lumpur.

Beliau berkata, serbuan pertama dilakukan di sebuah premis di Jalan Setapak pada jam 6.45 petang dan berjaya menahan enam individu berusia 25 hingga 39 tahun.

"Polis merampas 19 telefon pintar, 14 buku nota dan dua pasport negara India dalam serbuan berkenaan.

"Susulan serbuan itu, polis kemudian menyerbu kediaman di kondominium mewah di Jalan Off Genting Klang pada jam 9.15 malam," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur di sini, semalam.

Mazlan berkata, serbuan kedua berkenaan berjaya merampas 36 telefon pintar, dua komputer riba, 14 buku nota, empat beg dan dua kad akses.

"Siasatan mendapati modus operandi suspek adalah

"Serbuhan berkenaan berjaya merampas 36 telefon pintar, dua komputer riba, 14 buku nota, empat beg dan dua kad akses.

"Menurutnya, apabila pelanggan menghubungi mereka, sindiket berkenaan me-

nyebarkan tawaran pinjaman secara rawak sebelum dihubungi pelanggan," kata-

nya.

"Mangsa yang terpedaya dengan taktik sindiket berkenaan akan memasukkan wang ke akaun keldai," katanya.

Mazlan berkata, pihaknya

kini mengesan dalang uta-

MAZLAN (tengah)
menunjukkan
pelbagai barang
yang dirampas.



MAZLAN menunjukkan bahan kes pada sidang media, semalam.

akan meminta dokumen sebelum memberitahu pinjaman yang diminta sudah diluluskan.

"Bagaimanapun, peminjam perlu membayar yuran pemprosesan dan cukai sebelum wang pinjaman dimasukkan ke dalam akaun.

"Mangsa yang terpedaya dengan taktik sindiket berkenaan akan memasukkan wang ke akaun keldai," katanya.

Mazlan berkata, pihaknya

ma sindiket berkenaan di kenali sebagai Manggo dan dipercayai masih berada di negara ini.

"Polis percaya dapat meyelesaikan 29 kes pinjaman tidak wujud di sekitar Kuala Lumpur dengan kerugian RM150,000.

"Semua suspek yang di tahan kini disambung reman sehingga 16 Mac ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," kata nya.